

PROGRAM MENGUMPUL BUKU GUNA SEMULA

Date : December 2016-February 2017
 Venue to collect : UMP Library Gambang & Pekan
 PIC : Thor Wei Soon (PEKAN) 017-5320641
 Ong Shir Nee (GAMBANG) 016-9801069

Organized by :



Welcome all UMP staff and students to donate, we accept all usable books (especially story book for kids)



TERBITAN: PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

SINAR JUMAAT

EDISI : 1/2017



TARIKH : 6 Januari 2017 / 7 Rabiulakhir 1438H

HIJRAH YANG LEBIH BERMAKNA

Berubahnya tahun, tanda bertambahnya umur. Tanda Allah SWT masih sudi menyambung usia kita. Apa yang perlu kita lihat pada diri sendiri adalah, apakah kita telah menghargai masa-masa yang telah berlalu?

Rasulullah SAW selepas peristiwa hijrah telah memanfaatkan 10 tahun yang ada, hingga umat Islam menjadi umat yang kuat dan perkasa, Madinah menjadi kota yang makmur, bahkan masyarakat arab berbondong-bondong memeluk Islam selepas peristiwa Fath Makkah yang berlaku pada tahun 8 hijrah. Pengalaman selama 13 tahun di Makkah, berusaha pelbagai metod dakwah dalam kesukaran, membina akhlak dan iman, dipersembahkan pembumiannya pada fasa Madinah. Sudah berapa tahun pula kita hidup?

Apakah perubahan yang telah dilaksanakan untuk kebaikan, dan apakah pencapaian yang signifikan untuk umah yang telah diusahakan?

Allah SWT menyatakan bahawa manusia itu berada di dalam kerugian, dengan bersumpah pada masa, menandakan kerugian dan masa itu ada hubungannya. Masa yang terbazir akan menjadikan manusia rugi. Allah SWT meletakkan pengecualian pada mereka yang mengisi masa tersebut dengan keimanan dan amal soleh, serta berpesan-pesan kepada kebaikan dan kesabaran, sebagai isyarat bahawa masa perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk manfaat diri dan juga orang lain. Maka bagaimana 'hijrah' kita?

Apakah kita ini menjadi manusia yang saban tahun, bertambah baik, bertambah memanfaatkan peluang-peluang yang Allah SWT bentangkan, atau kita tergolong dalam kalangan mereka yang membazirkannya? Apakah hijrah kita, hijrah yang bermakna?

“Keluar dari kitaran kekalahan,

bangkit menggapai kejayaan”

Umat Islam hari ini kelihatan lemah dan longlai kerana terlalu banyak terpedaya dengan sistem yang cuba membuatkan kita rasa selesa dengan apa yang ada. Keselesaan ini membuatkan mereka rasa boleh meluangkan masa untuk perkara yang sia-sia, antaranya pergaduhan yang berpanjangan.

Sebagai Muslim, antara apa yang patut kita sedar ialah persamaan dari sudut aqidah, dan itulah sepatutnya sudah boleh menghubungkan kita dengan hubungan yang erat dan kerana ia juga mendatangkan kedamaian dan kemakmuran, hanya akan memberikan kebaikan kepada semua pihak. dan memakan masa, tenaga, dan potensi kita ke arah yang tidak sepatutnya.

Sama - samalah keluar dari kitaran kekalahan dan memandang tahun baru ini sebagai hadiah

Projek KONGSI REZEKI 2.0

Kampus Gambang

Kampus Pekan

RM1 Sahaja

Makan Tengah Hari
 (Aghlan :12.00 – 1.00 Tengah Hari)
 17 JANUARI 2017 - RUANG LEGAR BLOK W
 15 JANUARI 2017 - AMPHITHEATER

Makan Malam
 (Aghlan 6.00 – 7.00 Petang)
 17 JANUARI 2017 - KAFE PAYUNG PUTIH

Makan Tengah Hari
 (Aghlan :12.00 – 1.00 Tengah Hari)
 16/17 JANUARI 2017 - FKM
 4 JANUARI 2017 - FKP
 5 JANUARI 2017 - FKEE

Makan Malam
 (Aghlan 6.00 – 7.00 Petang)
 3 JANUARI 2017 - ARAS BAWAH PUSAT
 AKTIVITI PELAJAR (PAP)

SYARAT

- Pamer Kad Matrik
- 500 pax makan tengah hari, 300 pax makan malam (First Come First Serve)
- Pelajar UMP - Diploma & Ijazah Sarjana Muda



Anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



WAKAF KOLEJ KEDIAMAN MUIP-UMP



Bayaran boleh dibuat melalui tunai, cek, bank deraf, perbankan internet dan potongan gaji bagi staf UMP. Maklumat lanjut layari <http://mygift.ump.edu.my> atau hubungi talian 09-424 5142 (En Jamil)

TURKI GESA SYRIA HENTI CABUL GENCATAN SENJATA

Ankara: Turki semalam memberi amaran, rundingan damai Syria yang ditajanya bersama Russia berdepan ancaman dan menggesa rejim Presiden Bashar al-Assad menghentikan pencabulan terhadap gencatan senjata yang dikuatkuasakan sejak 1 Januari lalu.

Menteri Luar Mevlut Cavusoglu menggesa Iran yang bersama Russia menyokong Bashar memberi tekanan terhadap militan Syiah supaya mematuhi gencatan senjata berkenaan yang akan digunakan sebagai asas untuk rundingan damai.

Jika ia benar-benar dipatuhi, menurut Mevlut, rundingan damai boleh dimulakan pada 23 Januari depan di Astana, ibu negara Kazakhstan di bawah pengawasan Turki dan Russia.

“Jika tidak, proses rundingan damai akan musnah.

“Jika kita lihat siapa yang mencabul gencatan senjata itu, ia adalah Hizbullah, khususnya kumpulan Syiah dan tentera rejim,” kata Mevlut ketika diwawancara agensi berita rasmi negara itu, Anadolu.

Kelmarin, kumpulan penentang Bashar berkata, mereka menggantung perbincangan mengenai rundingan damai baru selepas serangan udara tentera Bashar di Idlib, kawasan yang mereka kuasai, menyebabkan 25 orang terbunuh. - Agensi



HENTI BINCANG RUNDINGAN DAMAI

Beirut: Kumpulan penentang menggantung perbincangan mengenai rundingan damai baru dan menuduh rejim Presiden Bashar al-Assad mencabuli gencatan senjata apabila ia masih menyerang kawasan yang dikuasai kumpulan berkenaan di sekitar Damsyik.

Keputusan itu mengancam proses damai tajaan Syria dan Turki yang bermula dengan gencatan senjata sebelum rundingan damai diadakan di Astana, ibu negara Kazakhstan, bulan ini.

Gencatan senjata itu meredakan pertempuran di sebahagian besar Syria tetapi dicemari dengan beberapa pertempuran di beberapa tempat, khususnya di wilayah Wadi Barada, utara Damsyik. Ia kawasan utama yang membekalkan air ke ibu negara Syria itu.

Tentera kerajaan dengan sokongan anggota Hizbullah dari Lubnan meneruskan serangan di kawasan itu walaupun selepas gencatan senjata yang bermula 30 Disember lalu.

Dalam kenyataan mereka awal semalam, beberapa kumpulan penentang berkata, mereka menarik diri dari perbincangan persiapan rundingan damai di Astana.

Menurut kumpulan itu, mereka menghormati gencatan senjata di seluruh Syria, tetapi rejim Bashar dan sekutunya tidak berhenti menyerang, malah melakukan pencabulan besar-besaran berhampiran Damsyik.

Mereka yang menandatangani kenyataan itu, termasuk Tentera Islam, Faylaq al-Sham dan Briged Sultan Murad Brigade yang rapat dengan Turki.

Kumpulan pemerhati hak asasi Syria berkata, pertempuran di Wadi Barada masih berlaku semalam.

Menurutnya, tentera Bashar melancarkan serangan menggunakan helikopter dan meriam



Makna Qailulah

Menurut Al-Razi Rahimahullah di dalam kitabnya Mukhtar al-Sihah, *al-Qoilulah* membawa makna tidur di waktu tengah hari. Manakala menurut al-Athir Rahimahullah pula, *al-Qoilulah* itu adalah istirehat di waktu tengah hari jika tidak disertakan sekali dengan tidur.

Difahami di sini bahawa al-Qoilulah itu adalah perbuatan tidur di siang hari iaitu pada waktu tengah hari. Al-Qoilulah juga boleh dimaksudkan dengan beristirehat pada waktu tengah hari sekiranya tidak disertakan dengan tidur sepertimana yang disebutkan oleh al-Athir Rahimahullah.

Waktu Qailulah

Para ulama' berbeza pendapat dalam penentuan waktu qoilulah sama ada ianya sebelum atau selepas Zohor. Ada pendapat yang mengatakan bahawa qoilulah itu adalah selepas gelincirnya matahari dan ada juga yang mengatakan ianya sebelum tergelincir matahari.

Kebanyakan kitab-kitab fiqh mazhab al-Syafi'e menyebutkan bahawa *al-Qoilulah* itu adalah tidur sebelum ataupun menghampiri waktu gelincir matahari. Ini sepertimana yang disebutkan oleh al-Imam Ibn Hajar al-Hatami Rahimahullah dan beberapa imam lain.

Namun, terdapat juga pendapat yang mengatakan *al-Qoilulah* ini boleh dilakukan sebelum atau selepas tergelincirnya matahari. Ini sepertimana pendapat al-Manawi yang mana beliau menyebutkan di dalam *Faydh al-Qadir* bahawa *al-Qoilulah* itu adalah tidur dipertengahan siang ketika tergelincir dan apa yang menghampirinya daripada sebelum atau selepasnya.

Adapun bagi hari Jumaat terdapat nas daripada hadith Nabi SAW yang mana *al-Qoilulah* pada hari Jumaat adalah selepas menunaikan solat Jumaat. Ini berdasarkan sebuah hadith daripada



Cara Berubah Itu Mulai Dari Diri Sendiri



ADDIN



FOKUS

IBADAH

WAKTU QAILULAH DAN GALLAKKAN MELAKUKANNYA

Kelebihan Qailulah :

- ◆ Dapat mengurangkan risiko sakit jantung 30% lebih rendah daripada mereka yang lain.
- ◆ Meningkatkan tenaga, tumpuan dan produktiviti.
- ◆ 92.5% pekerja tidur tengah hari mempunyai daya kreativiti lebih tinggi.